

Media Title : Kosmo  
Headline : Wang RM32,125 lesap selepas terpedaya Macau scam  
Date : 19 February 2023  
Section : Negara!  
Page : 9



## Wang RM32,125 lesap selepas terpedaya Macau scam

**KUANTAN** – Seorang pembantu tadbir sekolah di Jerantut bagaikan dipukau apabila dia sanggup membuat pinjaman peribadi selepas terpedaya dengan sindiket Macau scam sehingga menyebabkan kerugian RM32,125.36

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, kejadian bermula pada 19 Januari lalu selepas mangsa iaitu seorang wanita berusia 35 tahun menerima panggilan daripada

suspek yang menyamar sebagai pekerja sebuah syarikat kurier dan juga pegawai polis.

"Suspek yang menyamar pekerja syarikat kurier dari Melaka memaklumkan mangsa mempunyai satu bungkusan yang tidak dapat dihantar kerana kandungannya iaitu kad pengenalan, kad bank dan 30 kad sim diragui.

"Suspek kemudiannya menyambungkan panggilan telefon kepada individu yang menyamar



sebagai pegawai polis.

"Suspek menyatakan mangsa terlibat dalam aktiviti penguba-

han wang haram dan pemerdagangan manusia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Ramli, mangsa kemudian diminta membuat rakaman video selama tiga hari mengenai aktiviti hariannya sebelum diarahkan membuat pinjaman peribadi.

Beliau memberitahu, selepas membuat pinjaman peribadi sebanyak RM34,000 daripada sebuah bank, wanita tersebut diminta pula membuat

pemindahan wang sebanyak RM32,125.36.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan dan siasatan sedang giat dilakukan.

"Polis Kontinjen Pahang menasihatkan orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkaitan bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan," kata beliau.